

Ibu empat anak meninggal dunia selepas tiga hari koma

Kosmo 7/2/2011. M/s 6.

Wanita korban peragut

Oleh AFIFI HAFIZ MOHD.
NOR dan FIRDAUS HASSAN
berita@kosmo.com.my

PETALING JAYA - Kebimbangan seorang suami yang resah menunggu isterinya yang tidak muncul-muncul untuk memulakan perniagaan di sebuah warung ternyata berasas apabila wanita itu menjadi mangsa ragut dalam kejadian di Jalan PJS 1/25 Pangsapuri Permai di sini.

Lebih mendukacitakan apabila isteri yang sangat dicintainya itu, Zabedah Abas, 46, disahkan meninggal dunia pada pukul 12 tengah hari semalam selepas tiga hari koma di Unit Rawatan Rapi (ICU) Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) di sini.

Ibu kepada empat anak itu mengalami kecederaan parah di kepala selepas dia terjatuh apabila beg pinggang yang dipakainya cuba diragut oleh dua lelaki bermotosikal pada pukul 3 petang Khamis lalu. Ketika kejadian Zabedah menunggang sebuah motosikal jenis Modenas Kriss.

Mengimbau semula kejadian tersebut, suami mangsa, Azlan Abdul Aziz, 48, menceritakan, sebelum kejadian dia sedang menunggu kedatangan isterinya untuk membuka warung yang terletak berdekatan rumah mereka.

Katanya, menjadi kebiasaan mereka di mana dia akan menunggu isterinya di warung milik mereka di Taman Medan di sini kerana Zabedah akan menyelesaikan urusan di rumah terlebih dahulu.

"Saya risau kerana dia tidak muncul-muncul walaupun ketika itu jam menunjukkan pukul 3.45 petang. Selalunya dia akan tiba sekitar pukul 3.30 petang.

"Tidak lama kemudian, saya dimaklumkan mengatakan isteri saya telah diragut. Saya bergegas ke lokasi kejadian sebelum mendapati kepala isteri saya berlumuran darah dan dia tidak sedarkan diri," ceritanya ketika ditemui di rumahnya di Pangsapuri Permai di sini semalam.

Tambahnya, jarak lokasi kejadian dan rumahnya kira-kira 100 meter.

Menurut Azlan lagi, jantung isterinya berhenti berdenyut kira-kira pukul 5 pagi sebelum disahkan meninggal dunia tujuh jam kemudian.



ZABEDAH



MOHAMAD IZAD (kiri) dan Mohamad Izam menunjukkan gambar ibu mereka ketika ditemui di Pangsapuri Permai, Petaling Jaya semalam.

Saya bergegas ke lokasi kejadian sebelum mendapati kepala isteri saya berlumuran darah dan dia tidak sedarkan diri

AZLAN ABDUL AZIZ

"Mengikut cerita saksi, isteri saya telah diragut oleh dua lelaki bermotosikal di situ. Isteri saya terjatuh apabila peragut gagal melarikan beg pinggang yang dipakainya tetapi dapat melarikan beg galas yang diletakkan di dalam bakul motosikal," katanya yang memberitahu beg itu hanya mengandungi dokumen penting dan ubat darah tinggi isterinya.

Ujar Azlan, dia reda dengan kejadian tersebut dan meminta polis menjalankan siasatan segera untuk memberkas peragut terbabit.

Jenazah mangsa dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Perigi Nenas, Pulau Indah, Klang hari ini.

Zabedah meninggalkan suami dan empat anak, Nur Azura, 21; Nur Azlin, 20; Mohamad Izad dan Mohamad Izam

Info Akibat ragut

● Seorang isteri yang dikenali sebagai **Maizura** cedera parah di muka hingga terpaksa menjalani pembedahan hidung apabila diseret dua lelaki yang meragutnya pada 17 Februari 2010.



● Seorang pelajar tingkatan dua, **Nadirah Saerah Mohd. Zin** cedera parah setelah terjatuh dari motosikal yang dibonceng apabila ditendang peragut yang mencuri telefon bimbitnya pada 28 November 2009.



● Seorang pelajar perempuan tingkatan lima **Tan Shu Fang**, mati selepas 10 hari dimasukkan ke hospital akibat terjatuh selepas diragut pada 17 September 2009.



● Seorang juruwang sebuah pasar raya, **Norsazuliana Yakkob**, 24, maut selepas motosikal yang ditunggang terlanggar pokok selepas dia diragut dua lelaki pada 30 Mei 2008.

12 tahun. Mohamad Izad dan Mohamad Izam merupakan kembar seiras.

Sementara itu Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Arjunaidi Mohamed memberitahu, pihaknya masih mencari suspek bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu membunuh.